



Jabatan Bendahari Bursary Department

Ruj : UKM 3.1/224/8 Jld IX
Tarikh : 20 Julai 2010

PEKELILING BENDAHARI BIL. 19/2010

Dekan/ Pengarah/ Ketua
Fakulti/ Pusat/ Bahagian/ Jabatan/ Unit
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

KAEDAH ALTERNATIF KEPADA TINDAKAN SURCAJ BAGI MENDAPATKAN NILAI HARTA YANG HILANG.

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

Melalui Pekeliling Bendahari Bil. 15/2008-Tatacara Pengurusan Aset Alih dengan pindaan bertarikh 17 November 2008, semua kehilangan aset dan inventori tanpa mengira nilai perolehan asal hendaklah dikemukakan oleh Fakulti/Jabatan ke Bendahari UKM bagi hapus kira serta syor tindakan surcaj atau tata tertib seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 18 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) terhadap seseorang pegawai yang bertanggungjawab ke atas kehilangan itu sekiranya terdapat unsur-unsur kecurian, penipuan atau kecuaian pegawai tersebut.

Selaras dengan matlamat untuk menambah baik sistem penyampaian, Jawatankuasa Tetap Kewangan UKM Bil. 1/2010 bersetuju supaya **kehilangan aset atau inventori yang nilai semasanya tidak melebihi RM5,000.00** diberi pengecualian daripada tindakan surcaj tetapi dibenarkan membayar balik mengikut nilai semasa tertakluk kepada syarat-syarat berikut :-

- i) Tindakan bayaran balik akan dikenakan terhadap seorang pegawai atau beberapa orang pegawai yang bertanggungjawab atas kehilangan itu sekiranya terdapat unsur-unsur kecurian, penipuan atau kecuaian;
- ii) Nilai semasa aset/inventori tidak melebihi RM5,000;
- iii) Penentuan nilai aset/inventori ini adalah berdasarkan kiraan susutnilai yang dibuat oleh Unit Aset dan diperakukan oleh Jawatankuasa Pelupusan Aset UKM;
- iv) Pegawai yang bertanggungjawab ke atas kehilangan hendaklah melaporkan kepada polis dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan diketahui;
- v) Ketua Jabatan hendaklah menyediakan Laporan Awal KEW.PA-28 seperti mana yang ditetapkan dalam Pekeliling Bendahari Bil. 15/2008-Tatacara Pengurusan Aset Alih dengan pindaan;
- vi) Laporan Polis dan Laporan Awal hendaklah dikemukakan kepada Bendahari UKM untuk pertimbangan dan kelulusan bayaran balik dan hapus kira;
- vii) Bayaran balik yang diterima dikreditkan dalam Kod Hasil 76100 (Denda/Hukuman);



Jabatan Bendahari Bursary Department

- viii) Bayaran balik akan di rekod dalam Buku Perkhidmatan/E-BRP pegawai berkenaan; dan
- ix) Tindakan hapus kira akan direkodkan dalam Daftar Harta Modal (KEW.PA-2) atau Daftar Inventori (KEW.PA-3); dan

Peraturan ini berkuat kuasa serta merta mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian terima kasih,

Yang benar,

MOHD. ABD. RASHID MOHD. FADZIL
Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k
- Naib Canselor, UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM.
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM.
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM.
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM.
 - Pendaftar, UKM
 - Ketua, Unit Audit Dalam